

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : BERTULIS**
- DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]**
- SOALAN : Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah bilangan bot nelayan yang ditangkap di Kuala Sepetang dan Kuala Trong daripada tahun 2010-2014, nyatakan kesalahan yang dilakukan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan bot nelayan yang ditangkap di Kuala Sepetang dan Kuala Trong daripada tahun 2010 sehingga 2014 adalah sebanyak 57 buah, dengan pecahan 15 buah bot ditangkap di Kuala Sepetang dan 42 buah bot di Kuala Trong.

Di antara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan di kawasan tersebut adalah:

1. Menunda dikawasan yang tidak dibenarkan iaitu di bawah 8 batu nautika bagi bot tunda dan kenka 2 bot;
2. Menggunakan pukot rawa surong yang tidak dibenarkan penggunaanya;
3. Menggunakan kru asing bagi bot Zon A;
4. Menggunakan kru asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia bagi bot Zon B dan C;

5. Tidak mengusahakan bot sendiri;
6. Menggunakan bot yang tidak dilesenkan;
7. Menggunakan mata kerocong pukut tunda kurang daripada 38mm;
8. Gagal mengikut syarat-syarat lesen; dan
9. Mengutip benih kerang tanpa lesen.

Semua kesalahan ini disabitkan di bawah Akta Perikanan 1985 dan peraturan-peraturan perikanan. Ia adalah bagi memastikan kelestarian sumber perikanan sentiasa terjaga dan tidak berlaku konflik diantara nelayan.